

'Asabiyyah yang terpuji

Mempertahankan kebenaran dan menegakkan keadilan, usaha-usaha untuk menyebarkan dan memberitahu masyarakat perkara yang sebenar, adalah sama ada bukan *'asabiyyah*, atau jika ianya adalah *'asabiyyah*, maka ianya adalah daripada jenis yang digalakkan. Piawai ketentuannya ialah dengan melihat kepada tujuan dan matlamat, dan setakat mana ia melibatkan kepentingan yang memanfaatkan diri dan bertujuan jahat atau demi keadilan dan bermatlamat demi Allah. Maka, apabila seseorang itu menyokong kaum dan rakan-rakannya, jika dia melakukan sedemikian dengan niat untuk mempertahankan keadilan dan menghapuskan kezaliman, *'asabiyyah* jenis ini adalah digalakkan dan adalah terpuji; kerana mempertahankan keadilan dan kebenaran adalah di antara sikap manusia yang paling luhur, adalah salah satu daripada sifat-sifat para nabi Allah (as) dan *awliya'* (sahabat-sahabat)-Nya. Seseorang itu harus menyokong pihak yang berada bersama-sama dengan kebenaran dan keadilan, walaupun pihak tersebut juga adalah mungkin musuhnya. Orang sedemikian adalah pembela dan pencinta kebenaran; yang akan disanjung sebagai pejuang kemanusiaan yang luhur, warga yang benar ahli kepada masyarakat yang sempurna, seseorang yang kehadirannya mendatangkan pengaruh pembaharuan baik terhadap keinginan-keinginan jahat yang wujud di dalam masyarakat.

- Nabi (saaw) berkata: **"Yang terbaik di kalangan kamu adalah orang yang berjuang terhadap kaumnya sehingga mereka meninggalkan dosa-dosa."** [Abu Dawood, *Sunan*, hadis # 5130]
- Imam 'Ali (as) berkata: **"Jika kamu tidak dapat mengelakkan daripada berada di kalangan yang mengamalkan *'asabiyyah*, maka amalkanlah *'asabiyyah* untuk menegakkan kebenaran dan membela yang tertindas."** [Al-Amidi, *Ghurar ul-Hikam wa Durar ul-Kalim*, hadis # 3738]

Ubat untuk 'Asabiyyah

'Asabiyyah adalah merbahaya kepada individu dan masyarakat. Seseorang itu mesti memikirkan dengan serius tentang akibatnya ketika berada di dunia ini dan seterusnya pada hari kemudian. Jika anda mencintai atau membenci seseorang, atau menyokong atau menentang suatu kumpulan individu atau suatu bangsa, fikirkanlah tentang apa yang mendorong anda berbuat demikian. Jika ianya adalah untuk selain daripada menegakkan kebenaran dan keadilan atau membantu yang tertindas atau menghalang keganasan dan kezaliman, maka janganlah anda menyokong orang-orang yang berkaitan dengan anda. Adalah payah untuk anda mengambil langkah yang berani dan menolak cinta, persahabatan, dan keakraban saudara mara, sahabat dan rakan taulan. Keputusan anda untuk menolak *'asabiyyah* buta bukan sahaja akan menyelamatkan anda daripada api neraka, tetapi juga akan mendorong orang lain untuk berbuat demikian.

Kesimpulan

- Nabi (saaw) berkata: **"Orang yang menyeru kepada *'asabiyyah* adalah bukan daripada kami, orang yang berjuang demi *'asabiyyah* adalah bukan daripada kami, dan orang yang mati atas *'asabiyyah* adalah bukan daripada kami."** [Mizan al Hikmah, hadith # 13035]

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkenaan dengan Islam yang sebenarnya, sila lawati:

<http://al-islam.org/faq/>

Wahai umat manusia! Kami telah menciptakan kamu lelaki dan perempuan, dan telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan kaum supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya yang paling mulia di kalangan kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa...

(Qur'an, 49:13)

Imam Ja'far al-Sadiq (a) meriwayatkan bahawa Nabi (saaw) berkata: "Sesiapa yang di dalam hatinya terdapat *'asabiyyah* (memberatkan dalam apa bentuk jua seperti cinta kepada puaknya, cinta kepada kaumnya atau cinta kepada bangsanya) walaupun sebesar biji sawi, Allah akan menghidupkan ia semula pada Hari Kebangkitan sebagai sebahagian daripada orang-orang Badawi dari zaman *Jahiliyyah* (era sebelum Islam)." [Al-Kulayni, *al-Kafi*, vol. 2, bab al '*asabiyyah*, ms. 308, hadis # 3]

Penyakit-penyakit Hati...

'Asabiyyah

'Asabiyyah adalah suatu sikap yang ditunjukkan apabila seseorang itu melebihkan atau mempertahankan seorang yang dikenali atau mempunyai pertalian atau persaudaraan dengannya, sama ada kepercayaan atau ideologi agama, tanahair atau tempat tinggal, bahasa atau warna kulit. Pertalian ini juga mungkin disebabkan oleh persamaan profesyen atau perhubungan antara guru dan pelajar, atau sesuatu yang lain. Ia adalah keruntuhan moral yang kelihatan sebagai satu bentuk dalam mempertahankan kebenaran atau agama, tetapi realitinya ia adalah suatu cara untuk melebarkan pengaruh seseorang atau orang-orang yang seagama dengannya, saudara mara, sahabat handai, atau ahli-ahli sesuatu kumpulan

Apa yang termasuk dan tidak termasuk dalam 'Asabiyyah

- ❑ Telah diriwayatkan bahawa apabila Nabi (saaw) telah ditanyai: "Wahai Nabi Allah! Apakah itu 'asabiyyah?'. Baginda (saaw) menjawab: "**Iaitu apabila kamu menyokong bangsa (atau kaum) kamu dalam penindasan**" [Abu Dawood, *Sunan*, hadis # 5119]
- ❑ Imam 'Ali bin al-Husayn (as) telah ditanyai berkenaan 'asabiyyah. Beliau (as) menjawab: "'Asabiyyah yang menyebabkan seseorang itu berdosa ialah apabila ia menganggap perbuatan-perbuatan yang paling buruk bangsa (atau kaum)-nya sebagai lebih baik daripada perbuatan-perbuatan terbaik yang dilakukan oleh bangsa (atau kaum) pihak lawannya. Adalah tidak menjadi 'asabiyyah untuk mencintai bangsa sendiri. Walaubagaimanapun, jika seseorang itu membantu bangsanya dalam melakukan kezaliman maka ia adalah 'asabiyyah.'" [Al-Kulayni, *al-Kafi*, vol. 2, bab al 'asabiyyah, ms. 308, hadis # 7]

Keburukan-keburukan 'Asabiyyah

Jika hati seseorang itu telah ditutup dengan debu cinta kepada diri sendiri, cinta kepada saudara mara serta 'asabiyyah yang tidak sepatutnya dan buta, cahaya iman tidak akan memancar di dalamnya.

- ❑ Imam al-Sadiq (as) diriwayatkan berkata: "**Sesiapa sahaja yang mengamalkan 'asabiyyah (terhadap seseorang yang lain), Allah akan menyelubungi tubuhnya ('asabahu) dengan suatu lapisan ('isabah) daripada api.**" [Al-Kulayni, *al-Kafi*, vol. 2, bab al 'asabiyyah, ms. 308, hadis # 4]
- ❑ Imam al-Sadiq (as) telah meriwayatkan bahawa Nabi (saaw) telah berkata: "**Seseorang yang telah melaksanakan 'asabiyyah atau seseorang yang bagi pihaknya ia ('asabiyyah) telah dilaksanakan, ikatan iman lalu ditanggalkan dari mengelilingi lehernya.**" [Al-Kulayni, *al-Kafi*, vol. 2, bab al 'asabiyyah, ms. 308, hadis # 2]. Iaitu, iman seseorang itu tarikbalik darinya dan dikeluarkan daripada golongan orang-orang beriman di sisi Allah. Seseorang yang mendapat faedah daripada 'asabiyyah juga adalah termasuk dalam apa yang dimaksudkan oleh hadis ini akibat daripada ikutannya terhadap perbuatan orang yang melakukan 'asabiyyah bagi pihaknya dan maka adalah menjadi kongsinya bersama-sama atas faedah yang didapati itu. 'Asabiyyah terhadap suatu bangsa atau kumpulan akan membawa kepada keruntuhan moral seperti mengumpat dan memfitnah, serta jenayah buruk seperti penindasan, pembunuhan, pembunuhan beramai-ramai dan seumpamanya.

'Asabiyyah Ahli Intelek

- ❑ Ia hodoh dan adalah lebih buruk daripada 'asabiyyah jenis lain kerana seorang ilmuwan dan intelek adalah pendidik umat manusia. Tambahan pula, amalan pencarian dan penyebaran ilmu adalah suatu cabang pokok kenabian dan wilayah itu sendiri. Maka kerosakan moral para ilmuan pasti akan membawa kepada keruntuhan moral bangsanya.
- ❑ Jenis 'asabiyyah ini dapat dilihat melalui kedegilan seseorang dalam hal-hal intelektual dan kebiasaannya menyokong kenyataan-kenyataan dan idea-idea yang datang dari dirinya sendiri atau daripada gurunya yang bukan dilakukannya demi mempertahankan kebenaran dan menolak kepalsuan.
- ❑ Seseorang yang mengambil sikap sebagai penunjuk ke arah jalan yang benar dan sumber kesedaran kepada himpunan manusia sejagat haruslah berkhidmat sebagai

penunjuk jalan kepada kebahagiaan dan bertanggungjawab untuk pembawa manusia menuju kepada Hari Kemudian. Jika, (semoga Allah menjauhkan darinya) ia tidak berpegang kepada kata-katanya dan bersikap bertentangan dengan personaliti lahiriahnya, dia akan dianggap sebagai seorang intelek jahat, berilmu tetapi tidak berbuat baik dan adalah seorang munafik.

- ❑ Satu lagi aspek dalam keburukan intelektual ini ialah akibat yang dahsyat ke atas ilmu itu sendiri; kerana 'asabiyyah intelek seperti ini menjadi penyalahgunaan ilmu dan kehilangan penghormatan terhadapnya.
- ❑ Satu aspek yang lebih buruk dalam maksiat ini ialah kesalahan yang dilakukan ke atas pihak yang lain. Ini berlaku apabila pihak yang lain itu mengambil bahagian di dalam perbincangan para intelektual di mana mereka juga berhak mendapat dedikasi kewajipan dalam keilmuan sebagai perlindungan kepada kehormatan mereka sebagai para intelektual. Menghina mereka adalah seumpama melanggar batas-batas yang ditetapkan Illahi, maka adalah suatu dosa besar. Ada kalanya, 'asabiyyah sebegini adalah penghinaan kepada para intelektual.
- ❑ Satu lagi aspek 'asabiyyah berkaitan dengan orang yang untuk kepentingannya 'asabiyyah dilakukan, apabila orang tersebut adalah guru agama. Ia mungkin terpaksa memutuskan hubungankaitnya dengan anak muridnya, kerana semua ulama-ulama besar yang berilmu dan beretika tinggi serta wali-wali Allah *karram Allah wujuhahum* adalah secara tabiinya mencintai kebenaran dan keadilan dan sangat membenci kepalsuan dan kezaliman.

Pilihan orang beriman - 'asabiyyah buta atau kebenaran

- ❑ Seorang beriman memiliki hati yang menjadi cermin kepada cahaya keimanan. Ia melihat dengan jelas realiti, mempunyai pengetahuan Illahi dan kekal terikat kepada rukun-rukun, prinsip-prinsip rasional dan undang-undang agama. Tiada adat resam, cara, cinta, persahabatan atau perkara-perkara biasa yang boleh memaksa atau menyebabkan ia takut atau memesong dari jalan yang benar dalam menyokong kebenaran dan keadilan.
- ❑ Seseorang boleh menerima Islam dan mengakui beriman hanya apabila ia tunduk dan merendah diri kepada kebenaran. Maka ia akan menganggap matlamat dan tujuannya yang besar dalam hidupnya sebagai remeh dan sementara apabila dibandingkan dengan tujuan dan arahan Tuhan dan Penciptanya. Ia menghapuskan keinginannya dan tunduk kepada kehendak Tuhannya yang benar. Orang yang sebegini adalah secara mutlaknya bebas daripada 'asabiyyah bodoh dan wajahnya sentiasa memandang kepada realiti. Langsir tebal dan gelap 'asabiyyah buta tidak menghalang penglihatannya. Apabila dipanggil untuk melakukan keadilan dan menyatakan kebenaran, ia dengan tabah tanpa mempedulikan persatuan dan perhubungan, mengorbankan semua pertalian persaudaraan dan adat kepada matlamat dan perintah Tuhannya.
- ❑ Jika ada pertentangan antara 'asabiyyah Islamik dan 'asabiyyah Jahiliyyah, ia akan mementingkan 'asabiyyah Islamik dan 'asabiyyahnya untuk kebenaran dan keadilan. Seorang yang memperoleh petunjuk mengetahui bahawa semua jenis 'asabiyyah yang wujud dan semua persatuan adalah perkara-perkara kebetulan yang bersifat sementara dan fana'. Satu-satunya perhubungan yang kekal, tiada kesudahan dan satu-satunya 'asabiyyah yang benar ialah hubungan antara Pencipta dan penciptaan yang merupakan satu keperluan yang tidak akan hapus, teguh, luhur dan adalah keutamaan yang mengatasi semua ikatan keturunan.